

Atasi sesat lewat pencerahan agama

16 | Berita Harian
Jumaat, 16 Julai 2010

PELBAGAI reaksi masyarakat berikutan pendedahan terbaru kes tiga lelaki Melayu yang dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana terlibat dalam fahaman radikal.

Sebahagian reaksi itu agak keterlaluan sehingga ditegur Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, sendiri.

Umumnya, masyarakat Melayu Islam prihatin mengapa gejala fahaman radikal masih mempengaruhi sebahagian anak muda meskipun usaha mengekangnya giat dijalankan pemerintah, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan merangkap Ehwal Dalam Negeri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, pula menyatakan masih terdapat kelemahan dalam strategi yang ada.

Pun di sebalik kegigihan pemerintah dan institusi seperti Muis, beliau berpesan bahawa akhirnya seseorang individu itu harus membantu dirinya sendiri daripada terpengaruh.

Komennya mempunyai beberapa pengertian yang menarik:

► Pertama, menjadi tanggungjawab seseorang membuat sendiri pilihan yang betul dan benar dalam hidupnya agar tidak terjebak oleh sebarang anasir yang merosakkan.

Memanglah menjadi tanggungjawab orang tua mengasuh anak mereka dengan nilai dan prinsip yang mulia dan benar.

Namun, tujuannya adalah supaya anak itu dapat berdikari dan tidak selamanya bergantung pada orang tua.

Inilah pendekatan Islam yang memper-tanggungjawabkan seseorang dewasa itu dengan sikap dan tindakannya.

► Kedua, komen itu menganjurkan sikap positif yang harus dipupuk dalam masyarakat agar menyantuni anak muda dan yakin akan kemampuan mereka mengurus diri secara bertanggungjawab.

Terdapat beberapa saranan yang walaupun bertujuan baik, boleh memberikan kesan keseluruhan yang negatif:

► Agar ibu bapa dan orang dewasa memantau perkembangan anak muda, misalnya ketika mereka melungsur Internet dan melaporkan perihal yang mencurigakan kepada pihak berkuasa.

Langkah begini menimbulkan tanggapan kepada orang muda bahawa masyarakat tidak percayakan mereka, malah mahu mengawal dan membataskan kebebasan mereka dengan menyediakan pilihan-pilihan yang tidak cocok dengan sifat ingin tahu (*inquisitive*) yang ada pada kebanyakan mereka.

Maka ia bukan pilihan yang terbaik menurut ukuran mereka sendiri.

Apa yang mungkin lebih diperlukan dan lebih bersifat membina ialah memberikan anak-anak muda itu sesuatu yang mereka boleh manfaatkan sebagai pedoman atau panduan hidup.

Tugas itu haruslah menjadi tanggungjawab berterusan semua pihak – ibu bapa, orang dewasa, para pemimpin dan ulama.

► Saranan dalam bentuk mengenakan kawalan dan sekatan yang keterlaluan wajar ditinjau semula supaya kesannya jangan sampai berlawanan dengan tujuan yang hendak dicapai.

Ambil misalnya kenyataan Muis menasihati orang ramai supaya merujuk kepada padanya sebarang individu yang menyokong fahaman militan atas nama Islam.

Kecuali fahaman militan itu telah diberikan takrif yang jelas dan diterima umum, pelaksanaan saranan itu boleh menimbulkan masalahnya tersendiri.

Bagaimana memastikan aduan mengenai seorang yang dikatakan berfahaman militan tidak akan mengelirukan atau mengakibatkan salah tuduh dan penganiayaan?

Mengapa pula fahaman 'militan', walaupun atas nama Islam, harus dirujuk kepada Muis dan tidak langsung kepada pihak berwenang lain yang lebih berkepakaran dalam menanganinya?

► Masih ramai ibu bapa Melayu Islam yang 'buta Internet' dan ramai pula kedua ibu bapa yang keluar bekerja.

Dalam keadaan demikian, sukar bagi mereka memantau setiap pergerakan anak.

Mentelah, kemudahan melungsur Internet bukan sahaja terdapat di rumah, bahkan juga di luar rumah.

► Satu saranan lain yang sering disebut ialah menangani pengaruh fahaman radikal dan militan melalui bidang pendidikan atau pembelajaran agama.

Terdapat saranan baru yakni memastikan pelajar setempat hanya belajar di uni-

versi Islam yang disenaraikan 'bersih' daripada gejala radikal atau militan.

Saranan ini bukan sahaja tidak praktikal dilaksanakan malah bertentangan dengan prinsip mendapatkan pendidikan tinggi.

► Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) kelolaan Muis bersama Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama (Pergas) telah dilihat menjadi satu mekanisme membantu mengatasi penyebaran pengetahuan agama yang salah daripada asatizah yang tidak bertauliah.

Dari segi pentadbiran, skim ini membolehkan pihak berwajib agama (Muis) mengenakan kawalan ke atas guru-guru agama yang berdaftar dengannya.

Namun, skim itu tidak semestinya menjamin semua asatizah yang berdaftar dapat menyampaikan mesej agama menurut keperluan pelajar yang rencam atau dapat mengekalkan mutu pengajaran yang memenuhi keperluan pelajar yang terus berkembang.

Soalnya, mengapakah terdapat kecenderungan sesetengah orang mencari saluran-saluran maklumat agama alternatif seperti cakera padat dan laman web walaupun banyak kemudahan pembelajaran agama setempat yang disediakan serta pelaksanaan skim pentauliah bagi guru-guru agama?

Sudahkah jawabannya didapatkan, dikaji dan dicirikan penghuraianannya?

Umumnya, kedua faktor 'tarik' (*pull*) dan 'tolak' (*push*) memainkan peranannya.

Mereka yang mencari saluran lain seperti Internet ini ditarik beberapa kelebihan saluran alternatif itu.

Pertama, bahannya luas, mendalam, pelbagai dan dipersembahkan dengan menarik. Kedua, maklumat dan bahan yang diinginkan dapat diperolehi dengan cepat. Ketiga, pengendali ruangan yang dirujuk itu terdiri daripada mereka yang berkelulusan dan kelayakannya menyerlah.

Pada masa yang sama, berlaku juga faktor 'tolak' berupa kekurangan-kekurangan yang

ketara terdapat dalam saluran pendidikan tempatan.

Pertama, bahan yang terbatas, kurang mendalam, pandangan ketat yang dianut guru yang mengajar dan persembahan pengajaran yang sama dan menjemukan.

Kedua, guru-guru yang terbatas bidang keilmuannya untuk mampu menjawab setiap soalan pelajar.

Ketiga, berbanding pengendali ruangan di Internet, belum banyak asatizah setempat yang berkelulusan tinggi dengan bidang pengajian yang berpelbagaian.

Pelaksanaan skim pentauliah yang ada hanya akan menjadi lebih berkesan jika diiringi usaha-usaha membangunkan kelayakan dan kebolehan serta kualiti asatizah setempat.

Walaupun skim pentauliah boleh dimajukan dengan cara memenuhi keperluan membantu asatizah setempat memperoleh kelayakan, kebolehan dan mutu pengajaran yang tinggi, ia tidak dapat menghalang orang untuk terus merujuk kepada maklumat dan bahan agama daripada Internet.

Satu aspek pendidikan yang penting yang kurang diberikan perhatian di sini ialah langkah menyemai dan membangunkan etika pembelajaran yang betul, berdasarkan perintah dalam Al-Quran, kepada kedua pihak – asatizah dan pelajar.

Dengan berpegang pada etika pembelajaran yang betul, guru tidak akan menyimpang dalam pengajarannya dan pelajar tidak akan sesat dalam kesungguhannya belajar.

Ulama muktabar sejak dahulu lagi telah membuktikan kewibawaan dan keunggulan mereka dalam memartabatkan keilmuan Islam dengan berpegang teguh pada etika pembelajaran Islam.

Dalam menangani penyelewengan pentafsiran agama, tugas ulama adalah mengembalikannya tumpuan masyarakat pada pentafsiran yang benar berdasarkan etika pembelajaran yang betul dengan menulis kitab-kitab untuk

membetulkan salah tafsir dan menjernihkan kekeliruan.

Contohnya, Imam Al-Ghazali telah menghasilkan kitab masyhurnya, *Ihya Ulumuddin (Pembangunan Semula Ilmu Agama)*, sebagai usaha menolak ancaman perkembangan sains rasional di abad ke-11 Masihi yang banyak menyerang tradisi amalan beragama umat Islam sehingga berlaku kecenderungan menyamakan kedudukan akal dengan wahyu Ilahi.

Mengenai etika pembelajaran ini, banyak ulama dan tokoh pendidikan Islam yang telah menulis mengenai prinsip-prinsipnya.

Antaranya, seperti yang diterangkan Profesor Yusuf Qardhawi, ialah tuntutan supaya ilmu itu dicari daripada sumbernya yang asli walaupun berada di tempat yang jauh dan sukar ditempuhi.

Prinsip itu digambarkan dalam kisah Nabi Musa *as* yang diperintahkan Allah *swt* belajar dengan orang yang berilmu yang bermanfaat bagi kehidupan di dunia dan akhirat, iaitu Nabi Khidir *as*. Padahal, Nabi Khidir muda, tinggal jauh dan sukar didatangi serta berdarjat rendah daripada Nabi Musa.

Al-Quran juga mensyaratkan tiga perkara dalam pencarian ilmu: pendengaran (*as-sam'u*), penglihatan (*al-basyar*) dan hati (*al-fuad*).

Dalam ayat ke-36 Surah Al-Isra, Al-Quran mengingatkan:

"Janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya akan diminta pertanggungjawaban."

Ini bermakna secara prinsipnya, seseorang itu boleh belajar daripada sesiapa atau sumber mana pun, tetapi dia harus kritikal menggunakan pendengaran, penglihatan dan hatinya sebelum menerima atau mengguna pakai sesuatu pengajaran itu.

**PANDANGAN
MAAROF SALLEH**

Penulis khas



BANYAK PELUANG BELAJAR AGAMA: Banyak wadah seperti syarahan dan kelas agama diadakan di seluruh pulau ini dengan bimbingan asatizah yang bertauliah. Namun kenapakah masih ada orang yang bergantung pada sumber seperti Internet untuk mendapatkan maklumat tentang agama? – Foto fail

